

# **PERATURAN DAN TATACARA**

## **ANUGERAH KECEMERLANGAN PENDIDIKAN**

---

### **1.0 PENDAHULUAN**

*Anugerah Kecemerlangan Pendidikan telah diwujudkan pada tahun 2008 sebagai satu pengiktirafan kepada anggota / anak anggota KOSMA yang mencapai kecemerlangan di bidang pendidikan.*

### **2.0 TUJUAN**

- 2.1 *Menggalakkan anggota / anak anggota KOSMA supaya lebih fokus dan cemerlang dalam bidang akademik.*
- 2.2 *Memberi penghargaan dalam bentuk sijil dan wang ringgit kepada mereka yang cemerlang dalam pendidikan.*

### **3.0 KATEGORI ANUGERAH**

#### **3.1 Anugerah Kecemerlangan KOSMA**

*Anugerah Kecemerlangan Pendidikan akan diberikan kepada anggota / anak anggota yang mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang pada peringkat / tahap pendidikan yang tertentu iaitu UPSR, PMR, SPM, STPM, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana, Phd dan lain-lain kelulusan (di dalam dan di luar negara) yang setaraf untuk kategori peperiksaan di atas serta diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.*

#### **3.2 Anugerah Utama Kecemerlangan**

- a) *Anugerah Utama Kecemerlangan akan diberikan kepada anggota / anak anggota yang mendapat Phd dengan kepujian di samping pengiktirafan dan anugerah daripada pihak universiti atau kerajaan.*
- b) *Untuk peringkat / tahap lain mestilah memiliki pencapaian luarbiasa dan mendapat pengiktirafan nasional / negara atau antarabangsa.*
- c) *Penerima anugerah ini hanya boleh menerima anugerah ini sekali seumur hidup.*

### **3.3 Anugerah Khas Pendidikan Anggota**

*Anugerah Khas Pendidikan Anggota akan diberikan kepada anggota yang mendapat Phd (selain 3.1 dan 3.2) sekali seumur hidup.*

## **4.0 TATACARA PERLAKSANAAN**

### **4.1 Syarat-syarat Permohonan**

- a) *Setiap anggota layak membuat permohonan maksima bagi **DUA** orang anak sahaja untuk tahun yang sama.(4 orang bagi suami isteri yang menjadi anggota).*
- b) *Bagi permohonan berlapis iaitu suami dan isteri yang memohon Anugerah Kecemerlangan untuk anak yang sama, keutamaan akan diberikan kepada permohonan yang diterima lebih awal.*
- c) *Keputusan peperiksaan pemohon mestilah menepati asas kecemerlangan yang telah ditetapkan oleh KOSMA.*
- d) *Keputusan peperiksaan pemohon mestilah bermula dari 1 Jun tahun sebelumnya sehingga 31 Mac tahun semasa.*  
*(Cth : Mesyuarat Agung 2010, keputusan peperiksaan yang diterima pakai ialah keputusan dari 1 Jun 2009 sehingga 31 Mac 2010).*
- e) *Semua dokumen sokongan yang dikemukakan mestilah **DISAHKAN** oleh wakil rakyat / senator / pesuruhjaya sumpah / ketua jabatan / dekan fakulti / pengetua sekolah / penghulu / ketua kampung / pengurus JKK atau mana-mana pegawai kerajaan kategori A.*
- f) *Semua maklumat pemohon mestilah **BENAR** dan telah diisi dengan **LENGKAP**. Sekiranya maklumat yang dikemukakan **PALSU** atau **TIDAK LENGKAP**, permohonan akan ditolak.*
- g) *Permohonan hendaklah dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu selewat-lewatnya **1 Jun** untuk setiap tahun.*

## **4.2 Kaedah Permohonan**

- a) *Anggota boleh mendapatkan borang permohonan Anugerah Kecemerlangan Pendidikan dari ibu pejabat KOSMA / wakil yang telah dilantik oleh KOSMA di daerah-daerah atau mencetaknya daripada laman web KOSMA iaitu [www.kosma.com.my](http://www.kosma.com.my).*
- b) *Semua permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada Setiausaha KOSMA.*
- c) *Di antara dokumen-dokumen sokongan yang perlu dilampirkan adalah seperti berikut:*
  - (i) *Salinan surat beranak (**untuk anak anggota wanita**) dan kad pengenalan pemohon (muka hadapan dan belakang dibuat salinan pada muka surat yang sama).*
  - (ii) *Salinan sijil / transkrip keputusan peperiksaan.*
- d) *Semua dokumen sokongan hendaklah disediakan oleh pemohon dengan menggunakan kertas **BERSAIZ A4** dan **DISAHKAN** oleh pihak 4.1(e).*
- e) *Permohonan mestilah dibuat dalam tempoh yang telah ditetapkan iaitu bermula dari Januari hingga 1 Jun pada setiap tahun.*
- f) *Keputusan permohonan akan dihantar kepada pemohon melalui pos dan dipamerkan di dalam laman web KOSMA.*

## **4.3 Asas Untuk Anugerah Kecemerlangan Pendidikan**

*Pemohon hendaklah memenuhi kelayakan yang telah ditetapkan bagi setiap peringkat pendidikan sebelum layak menerima Anugerah Kecemerlangan Pendidikan, seperti berikut :*

- i) *Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR)*
  - a) *Sekolah Kebangsaan* 5A
  - b) *Sekolah Jenis Kebangsaan* 6A
- ii) *Penilaian Menengah Rendah (PMR)*
  - a) *Sekolah Kebangsaan* 8A
  - b) *Sekolah Jenis Kebangsaan* 7A
- iii) *Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)* 7A1
- iv) *Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)* 4 Principal A

v)	<i>Diploma</i>	<i>CGPA – 3.5 ke atas</i>
vi)	<i>Ijazah Sarjana Muda</i>	<i>CGPA – 3.5 ke atas</i>
vii)	<i>Ijazah Sarjana</i>	<i>CGPA – 3.5 ke atas</i>
viii)	<i>Doktor Falsafah (Phd)</i>	<i>Terpuji</i>
ix)	<i>Lain-lain *</i>	

**\*Nota : Lain-lain kelulusan (di dalam dan di luar negara) yang setaraf untuk setiap kategori di atas dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.**

#### **4.4 Sumbangan Kewangan Untuk Anugerah Kecemerlangan Pendidikan**

*Sumbangan kewangan untuk Anugerah Kecemerlangan Pendidikan bagi setiap peringkat adalah seperti berikut :*

i)	<i>Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR)</i>	<i>RM150.00</i>
ii)	<i>Penilaian Menengah Rendah (PMR)</i>	<i>RM300.00</i>
iii)	<i>Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)</i>	<i>RM400.00</i>
iv)	<i>Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)</i>	<i>RM500.00</i>
v)	<i>Diploma</i>	<i>RM700.00</i>
vi)	<i>Ijazah Sarjana Muda</i>	<i>RM1200.00</i>
vii)	<i>Ijazah Sarjana</i>	<i>RM1500.00</i>
viii)	<i>Doktor Falsafah (Phd)</i>	<i>RM2000.00</i>
ix)	<i>Anugerah Utama</i>	<i>RM5000.00</i>

#### **4.5 Proses Penilaian**

- i) *Permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilai yang dilantik oleh Anggota Lembaga KOSMA.*
- ii) *Hanya permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan akan dinilai.*

#### **4.6 Kelulusan Lembaga**

*Semua permohonan yang telah dinilai akan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga untuk kelulusan sebelum pihak KOSMA memberi sumbangan kewangan dan mengeluarkan sijil pengiktirafan kepada pemohon. Keputusan yang dibuat oleh Anggota Lembaga adalah muktamad.*

#### **4.7 Penyampaian Anugerah**

*Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pendidikan kepada anggota / anak anggota yang layak akan dilaksanakan di Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA.*

#### **4.8 Pindaan Dan Perubahan**

*Sebarang perubahan pada terma syarat dan peraturan yang telah ditetapkan untuk Anugerah Kecemerlangan Pendidikan adalah tertakluk kepada keputusan Anggota Lembaga KOSMA dari semasa ke semasa.*

#### **4.9 Lain-Lain**

*Sebarang bukti penghantaran melalui pos biasa / pos ekspres bukanlah bukti penerimaan oleh pihak KOSMA. Pihak KOSMA tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang masalah dari segi penghantaran dan sebagainya oleh anggota.*

**BORANG PERMOHONAN ANUGERAH KECEMERLANGAN  
PENDIDIKAN**  
**ACADEMIC EXCELLENCE AWARD APPLICATION FORM**

Sila isi dengan **HURUF BESAR** / *Please fill in with CAPITAL LETTER*.

Tandakan () di petak pilihan dan potong yang tidak berkenaan / *Tick (✓) where applicable and cancel where inappropriate.*

**1) MAKLUMAT PERIBADI / PERSONAL INFORMATION**

- a) Nama Anggota / *Member's Name* : .....
- b) No. K/P (Baru) / *NIRC (New)* : .....
- c) No. Anggota / *Membership No* : .....
- d) Alamat / *Address* : .....
  
- e) Telefon / *Telephone*: (i) Rumah / *Home* : .....  
 (ii) Bimbit / *Mobile* : .....  
 (iii) Pejabat / *Office* : .....
  
- f) Permohonan untuk **(ANGGOTA / ANAK)**/ *Application for (MEMBER / CHILD)*  
**(Permohonan untuk anggota sendiri, sila kosongkan bahagian f (i) hingga (v) / For member's application, please ignore part f(i) to (v) )**
  - (i) Nama Anak / *Name of Child* : .....
  - (ii) No. K/P (Baru) / *NRIC (New)* : .....
  - (iii) Alamat / *Address* : .....
  
  - (iv) Tel / *Tel* : (i) Rumah / *Home* : .....  
 (ii) Bimbit / *Mobile* : .....  
 (iii) Pejabat / *Office* : .....
  - (v) Taraf Perkahwinan / *Marital Status* : .....

**2) MAKLUMAT AKADEMIK / ACADEMIC INFORMATION**

- a) Tempat Pengajian / *Name of Institution* : .....
- b) Tarikh Mula Pengajian / *Beginning Date* : .....
- c) Tarikh Tamat Pengajian / *Date of Graduation* : .....
- d) Keputusan Peperiksaan / *Examination Result* : .....

### **3) KATEGORI DIPOHON / CATEGORY APPLIED**

a) Anugerah Kecemerlangan KOSMA

- i) UPSR
- ii) PMR
- iii) SPM
- iv) STPM
- v) Diploma
- vi) Ijazah Sarjana Muda / *Degree*
- vii) Ijazah Sarjana / *Masters*
- viii) Doktor Falsafah (Phd)
- xi) Lain-lain (sila nyatakan) / *Others (please state)* : .....


b) Anugerah Utama Kecemerlangan KOSMA / KOSMA Prime Award

--

### **4) PENGAKUAN PEMOHON / APPLICANT DECLARATION**

Adalah saya dengan ini, mengaku bahawa maklumat yang diberi di atas adalah benar dan saya faham akan syarat yang telah ditetapkan. Pihak KOSMA berhak untuk menolak permohonan ini sekiranya didapati maklumat yang diberikan adalah palsu./ *I hereby solemnly acknowledge that all information furnished above is true and I understand the terms and conditions as determined. KOSMA reserves the right to revoke my application if any information is found to be false or untrue.*

Tarikh / Date : ..... T/tangan / Signature : .....

Nama / Name : .....

**NOTA / NOTE :** Tarikh tutup bagi permohonan ini ialah 1 Jun pada setiap tahun. Sila hantar borang yang telah diisi dengan lengkap bersama salinan kad pengenalan, surat beranak (**untuk anak anggota wanita**) dan sijil / transkrip peperiksaan yang telah **DIAKUI SAH** kepada: / *The deadline for this application is June 1<sup>st</sup> for every year. Please submit the completed form and a CERTIFIED TRUE COPY of NRIC, certificate of birth (for female member's child) and examination certificate / transcript to:*

**Setiausaha  
Koperasi Serbausaha Makmur Berhad  
B-8032, Sri Kuantan Square, Jalan Teluk Sisek,  
25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur**